

# Sorok di hutan elak ditahan

Norizuan Shamsuddin  
norizuan@hmetro.com.my

Petaling Jaya

**S**ekumpulan kaki judi yang leka bermain bola golek dan menabung ayam bertemparan melarikan diri meredah hutan selepas polis menggempur markas kegiatan berkenaan di dalam sebuah belukar berdekatan kawasan setinggan di Bukit Damansara, Perdana, semalam.

Dalam serbuan kira-kira jam 12.30 tengah hari itu, seramai 14 individu termasuk seorang wanita dan remaja berusia 13 tahun ditahan Bahagian Anti-maksiat, Perjudian dan Gangsterisme (D7) Ibu Pejabat Polis Kontingen (IPK) Selangor.

Asisten Superintendent Pengawasan D7 Selangor, Sobri Bakir yang mengetuai serbuan berkata, pihaknya melakukan risikan selama dua minggu sebelum 23 pegawai dan anggota dikerahkan bagi

■ Kumpulan kaki judi leka bermain bola golek, sabung ayam dicekup



**FAKTA**  
14 individu  
termasuk wanita  
dan remaja  
berusia 13 tahun  
ditahan

PENGANJUR dan kaki judi ditahan.

membuat serbuan berkenaan.

"Dua lelaki warga tempatan turut ditahan dan disyaki penganjur judi bola golek."

"Kita turut menahan seorang remaja lelaki berusia 13 tahun bersama bapanya

yang juga warga tempatan. Siasatan awal mendapati remaja terbabit masih berskolah dan datang ke lokasi berkenaan bersama bapanya

yang berusia 40-an.

"Manakala, suspek wanita

warga Indonesia pula ber-

tindak sebagai penjaga gerai makan yang terdapat di lokasi markas judi terbabit." Katanya ketika ditemui di lokasi serbuan berkenaan, semalam.

Menurut Sobri, hasil serbuan itu, pihaknya turut me-

rampas 10 ayam dan peralatan judi bola golek serta wang tunai berjumlah RM11,884.

Katanya, berdasarkan risikan, pihaknya mendapati markas judi terbabit aktif sejak dua bulan lalu dan di-

lengkap dengan gelanggang sabung ayam, pondok judi bola golek serta gerai makan.

"Aktiviti pertaruhan di markas judi terbabit dijalankan pada hujung minggu dan cuti umum bermula jam 12 tengah hari sehingga 6 petang, kebanyakannya yang menyertainya adalah penghuni dari kawasan setinggan berdekatan.

"Kumpulan berkenaan juga turut memantau setiap kaki judi yang masuk ke kawasan itu bagi mengelak diliken polis," katanya.

Menurutnya, semua suspek berusia 13 hingga 65 tahun berkenaan kemudian dibawa ke Balai Polis Kota Damansara untuk siasatan lanjut.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 44 Akta Bi-natang 1953, Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1963, Seksyen 7(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Seksyen 7(2) akta sama.

